



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 2, April 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.mssocialsciences.com](http://www.mssocialsciences.com)

### **Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru**

**Normiati Binti Batjo<sup>1</sup>, Abdul Said Bin Ambotang<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Normiati Binti Batjo ([syiqahcute@yahoo.com.my](mailto:syiqahcute@yahoo.com.my))

#### **Abstrak**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru dalam kalangan guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah, Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi sebagai alat instrumen kajian. Seramai 380 orang responden terlibat dalam menjawab soal selidik kajian. Analisis deskriptif menunjukkan pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru mempunyai skor min tinggi bermaksud kedua-duanya berada pada tahap tinggi. Manakala berdasarkan analisis ujian ANOVA yang dilakukan membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Dalam kajian yang sama analisis regresi berganda turut dilakukan. Hasilnya, terdapat pengaruh yang signifikan pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. Secara keseluruhan analisis mendapati sumbangan keseluruhan yang diramal oleh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru adalah sebanyak 24.8 peratus.

**Kata kunci:** pengajaran guru, kualiti pengajaran guru, sekolah rendah luar bandar, pengalaman mengajar

### **The Influence of Teacher's Teaching Towards Quality of Teachers' Teaching**

#### **Abstract**

This study is aimed at identify the influence of teacher's teaching toward quality of teachers' teaching among rural primary school teachers in Sabah, Malaysia. The study utilised the servey method by combining several variable sampling techniques to obtain samples. A total of 380 respondents were involved in answering the questionnaire. Descriptive analysis shows teachers' teaching and quality of teachers' teaching being practised at a high level. While a One-way ANOVA test results show that there is no significant difference in teachers' teaching and quality teachers' teaching based on teaching experience. In the same study, multiple regression analysis also implemented. The findings show that the overall contribution predicted by teachers' teaching towards quality teachers' teaching is 24.8 percent.

**Keywords:** teachers' teaching, quality of teachers' teaching, rural primary school, teaching experience

## Pengenalan

Dalam memerlukan pendidikan yang lebih bersifat global abad ke 21, pembangunan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat untuk membawa Malaysia bersama-sama bersaing dengan negara maju yang lain. Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) telah meletakkan pendidikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mana fokusnya ialah kualiti pengajaran guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. Seiring dengan transformasi pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025), Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bertanggungjawab bersama-sama dalam merancang dan menyelaras pelaksanaan inisiatif kualiti pengajaran guru bagi memastikan pelaksanaan transformasi pendidikan ini tercapai.

Standard 4 dalam SKPM 2010 berfokuskan kepada Pembelajaran dan Pengajaran yang lebih menjurus kepada peranan guru dalam memberikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti tinggi. Kualiti seorang guru merupakan sumbangan yang paling tinggi dalam menentukan kejayaan seseorang murid. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Farhah dan Fatimah (2018) bahawa apa yang murid dapat bukan bergantung pada sekolah yang mereka hadiri, tetapi bergantung pada guru yang ada dalam sekolah tersebut. Di dalam bilik darjah guru bertanggungjawab sebagai pemudahcara, pakar rujuk, penilai (Jahangir, 2010), pendidik mahupun fasilitator (Eggen dan Kauchak, 2012). Bagi menjadi seorang guru yang berkualiti, guru perlulah terlebih dahulu meningkatkan kualiti peribadi seorang pendidik dan membersihkan jiwa sebelum membimbangi manusia (Rashidy, 2011). Dengan itu, guru adalah individu yang mampu mencipta sesuatu yang berbeza dalam personaliti individu murid melalui pelbagai cara.

Capaian prestasi Malaysia dalam *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* telah menghasilkan peningkatan dari segi kedudukannya bagi tahun 2015 berbanding tahun 2011. Manakala *Programme for International Student Assessment (PISA)* menunjukkan kemerosotan berbanding negara-negara yang terlibat pada *PISA* 2012 (Abdul Halim, Johari, dan Norhasniza, 2014). Ketidaktentuan capaian dalam ke dua-dua penilaian ini memerlukan semua pihak peka akan situasi ini. Pihak kementerian telah mengenal pasti antara kelemahan yang perlu penambahbaikan ialah memperbaiki kualiti pengajaran guru, penekanan pengajaran berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), dan persekitaran (Abdul Halim *et. al.*, 2014).

Rentetan daripada itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius berkaitan dengan isu ini. Dasar baharu pendidikan negara iaitu Pelan Pembangunan Pengiktirafan untuk meningkat profesion keguruan seiring dengan keperluan meningkatkan standard dalam pengajaran. Ini kerana PdPc berkonsepkan inovatif yang memanfaatkan ICT (Lee, Cher, dan Siew, 2015) dan pembelajaran kemahiran abad ke-21 (Rohani, Hazri, Zohir, 2017) perlu diterapkan untuk melibatkan diri dengan generasi baru. Enam aspirasi murid yang perlu dilahirkan seperti berpengetahuan, mahir berfikir, berkemahiran memimpin, mempunyai etika kerohanian yang tinggi dan memiliki identiti nasional akan tercapai dengan negara memiliki guru yang mampu membawa cabaran dan hasrat yang digariskan oleh pihak kementerian.

Maka dengan itu, isu yang memberi mendorong agar kajian ini perlu dilakukan ialah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Akademik Kepimpinan Pengajaran Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajaran Tinggi pada tahun 2011, mendapati bahawa 12 peratus daripada 125 pengajaran yang telah dipantau telah menghasilkan standard yang tinggi, manakala 38 peratus pada tahap memuaskan manakala 50 peratus berada pada tahap tidak memuaskan. Situasi ini sangat amat membimbangkan pihak kementerian dan ditambah lagi dengan satu evidens yang dilakukan oleh pihak JNJK (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti). Strategi pengajaran guru senior lebih berkonsepkan tradisional dan faktor pengalaman mengajar yang diasah dan diukur oleh interaksi persekitaran kerja guru itu sendiri menjanjikan kematangan dan kepakaran khususnya dalam pembentukan pengajaran yang berkesan.

## **Tujuan dan Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah. Objektif kajian ialah untuk:

- i. Mengukur tahap pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru.
- ii. Mengenal pasti perbezaan pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- iii. Mengenal pasti pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru.

## **Hipotesis Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, beberapa hipotesis nul telah diterbitkan. Kajian ini telah menggunakan hipotesis nul seperti berikut:

- Ho<sup>1</sup> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar guru.
- Ho<sup>2</sup> Tidak terdapat berbezaan yang signifikan kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar guru.
- Ho<sup>3</sup> Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru.

## **Tinjauan Literatur**

### ***Kualiti Pengajaran Guru***

Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan ISO 9000 prinsip kualiti lebih tertumpu kepada kualiti sesuatu produk dan perkhidmatan serta keluaran yang dihasilkan. Guru kualiti seperti Deming (1986), Crosby (1979), dan Devid Garvin (1988) yang pada asasnya memberi takrifan yang berbeza-beza mengenai konsep kualiti yang memfokuskan kepada memenuhi kehendak pelanggan. Akan tetapi, menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi-5), kualiti ditakrifkan sebagai satu peringkat kebaikan atau nilai suatu pencapaian yang tinggi merujuk kepada kecemerlangan diri.

Oleh itu, antara takrifan konsep kualiti pengajaran guru berdasarkan literatur yang lepas tetapi masih lagi tidak ada kesepakatan tentang pengukuran kualiti pengajaran guru (Hopkins dan Stern, 1996; Cochran Smith, 2008; Wang dan Fwu, 2009). Kartini, Badariah, dan Ahamad (2010) dalam kajian beliau mendefinisikan bahawa kualiti pengajaran guru boleh dikategorikan kepada dua kategori yang berbeza. Pertama, seorang guru yang berkualiti mestilah mempunyai kelulusan akademik yang tinggi (Darling-Hammond, 2007; King-Rice, 2003) yang diukur berdasarkan pengetahuan isi kandungan yang diajarnya. Elaine (2010) bersetuju dengan pandangan mereka dan mengatakan bahawa di Amerika seorang guru yang dianggap berkualiti dan layak untuk ditugaskan di sekolah awam sekiranya mereka memiliki sijil sarjanamuda dan mempunyai persijilan negara yang dikenali sebagai lesen penuh untuk mengajar subjek akademik teras.

Sehubungan dengan itu, apabila dikaitkan dengan sistem pendidikan di Malaysia, guru adalah tunjang utama (SKPM, 2010) yang terlibat dalam proses kemenjadian murid (JNJK, 2010) seperti yang terkandung di dalam FPN iaitu bagi melahirkan insan yang seimbang. Mengikut yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM, 2010) guru yang mempunyai pengajaran yang berkualiti dan berkesan perlu mempunyai penguasaan dari segi merancang pengajaran, pelaksanaan pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan memiliki personaliti sebagai seorang guru. Atas dasar itu kualiti pengajaran guru perlu dinilai dari segenap aspek falsafah secara holistik (Mohd. Sahandri, Ramli, Shaffe, 2010). Sebuah badan yang telah

dipertanggungjawabkan dalam menjamin kualiti pendidikan di negara kita ialah Jemaah Nazir dan Jaminan kualiti (JNJK, 2010), Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rohani, Hazril, dan Nordin Abd Razak (2010) pula menyifatkan konsep kualiti pengajaran guru adalah berkait rapat dengan komitmen belajar murid khususnya di luar bandar. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara dimensi guru berkualiti dengan komitmen belajar murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang sederhana antara ciri kualiti pengajaran guru yang dikaji dengan komitmen murid. Hubungan guru-murid dikenal pasti sebagai ciri kualiti pengajaran guru yang menjadi peramal terbaik bagi meningkatkan komitmen belajar murid. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan guru-murid adalah faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar murid.

### **Pengajaran Guru**

Pengajaran guru dalam konteks kajian ini ialah amalan pelaksanaan pengajaran di dalam bilik darjah. Amalan ini bertepatan dengan kewujudan model SGM (2009), model Slavin, yang menekankan aspek model insan berkualiti berdasarkan tiga pendekatan utama yang merangkumi perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran (Luky, 2018).

Pelaksanaan pengajaran adalah satu sistem tindakan yang bertujuan untuk menggerakkan pembelajaran (Trianto, 2009). Bagi menghasilkan satu proses pengajaran yang berkualiti, ia melibatkan penyusunan seperti merancang, melaksana dan menilai pengajaran dalam sesuatu keadaan yang mana terdapat rintangan atau halangan yang perlu diatasi oleh individu. Jadi, tujuan pelaksanaan pengajaran adalah memberikan pengetahuan dan kemahiran, di samping membentuk dan mengembangkan nilai yang diperlukan oleh individu bagi melakukan tugas pembelajaran. Pengajaran yang berkualiti bergantung kepada kemampuan guru merancang episod pembelajaran ke arah matlamat pendidikan yang dikehendaki (Kamarul, Noratikah, Mohd Faeez, 2012; Nadzri dan Nor Fadilah, 2017).

Sehubungan itu, guru perlu memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). KPM telah membuat pelancaran inisiatif PAK-21 secara rintis pada tahun 2014 dan pelaksanaannya di seluruh negara dikuat kuasakan mulai tahun 2015. Pengajaran dan pembelajaran merupakan penglibatkan guru dan murid di dalam bilik darjah (Anida, 2003). Bagi seorang guru kaedah pengajaran merupakan teknik dan strategi yang digunakan dalam pengajaran di bilik darjah (Renne Compoy, 2010). Penguasaan guru dengan ilmu cukup untuk melahirkan pendidikan yang dinamik () sama ada aspek psikologi, pedagogi, teknik, dan strategi turut dititikberatkan (Ghazila, 2005). Kedua-duanya haruslah mempunyai strategi masing-masing bagi menghasilkan kesan yang positif terhadap keberkesanan pelaksanaan PdPc. Setiap murid diberi peluang sama untuk melibatkan diri secara aktif dalam PdPc (Kesici, 2008; Devis, 2010).

### **Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam kajian ini, kualiti pengajaran guru merupakan variabel bersandar manakala pengajaran guru adalah variabel bebas kajian. Perbincangan lanjut berkaitan variabel kajian telah dibentuk berdasarkan sokongan teori dan model seperti teori Behavioursme, model Slavin (1994), dan model SGM (2009).

### **Metod Kajian**

Metod kajian ini menggunakan kajian kuantitatif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah tinjauan yang berteraskan reka bentuk bukan eksperimental bertujuan mengkaji pengaruh antara variabel bebas dan variabel bersandar tanpa memanipulasi variabel bebas (Chua, 2012). Kajian tinjauan menggunakan sekali pemungutan data daripada suatu sampel pada satu-satu masa (Creswell, 2012). Kaedah ini mampu untuk menjawab semua persoalan kajian dan hipotesis kajian. Maka dalam konteks kajian ini populasi yang ditetapkan hanya dalam kalangan guru sekolah rendah luar bandar yang menerima bantuan penuh kerajaan sahaja. Manakala, penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan PPPM,

2015jadual persampelan yang dicadangkan oleh Cohen *et. al.*, (2001) pada aras kepercayaan 95 peratus dengan ralat 5 peratus dengan. Berdasarkan jumlah populasi seramai 19 543 orang maka penetapan saiz sampel kajian adalah seramai 380 orang.

Kajian bersifat tinjauan biasanya menggunakan soal selidik sebagai instrumen asas untuk mendapatkan data. Selain dapat mengurangkan perbelanjaan (Graham, 2006) dan masa dalam mengumpulkan data daripada responden yang ramai dan tempat yang berjauhan antara satu sama lain, juga dapat menjimatkan tenaga ke dua belah pihak (Mohd. Majid, 2000). Di samping itu, kaedah ini dapat menerangkan tujuan tinjauan deskriptif dengan jelas secara bercetak dan kesilapan hasil daripada merekodkan maklum balas adalah berkurangan (Azizi *et. al.*, 2007). Kaedah ini bersesuaian menurut (Creswell, 2012) berikutan saiz sampel kajian besar. Soal selidik yang digabungkan bagi mengukur dua variabel kajian telah diadaptasi daripada sember-sumber lepas yang terdiri daripada 29 item (pengajaran guru) dan 35 item (kualiti pengajaran guru). Nilai alpha Cronbach kajian rintis soal selidik bagi variabel pengajaran guru ialah 0.943. Manakala bagi variabel kualiti pengajaran guru pula sebanya 0.939. ini bermaksud bahawa item memiliki kebolehpercayaan yang tinggi.

## Dapatan Kajian

Setelah data bagi kedua-dua variabel dianalisis mendapati bahawa berdasarkan pengalaman mengajar memperoleh skor min yang tinggi. Pengajaran guru yang merupakan variabel bebas menunjukkan nilai skor min bagi setiap kumpulan pengalaman mengajar guru. Didapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun memiliki skor min yang paling tinggi  $M=4.1470$ ;  $SD=0.5033$ . Kumpulan pengalaman mengajar yang memiliki min yang paling rendah ialah 1 hingga 5 tahun pada  $M=3.9602$ ;  $SD=0.5254$ . Manakala, bagi variabel bersandar iaitu kualiti pengajaran guru turut menghasilkan skor min pada tahap tinggi. Kumpulan pengalaman 6 hingga 10 tahun menghasilkan skor min yang paling tinggi iaitu  $M=4.1978$ ;  $SD=0.3242$ . Diikuti kumpulan pengalaman yang menghasilkan nilai min yang paling rendah iaitu 11 hingga 15 tahun pada  $M=4.0582$ ;  $SD=0.2953$ . Oleh yang demikian, secara rumusannya kedua-dua variabel telah menghasilkan skor min pada tahap yang tinggi menjelaskan bahawa guru di lokasi kajian cenderung melaksanakan pengajaran dengan baik yang akhirnya menghasilkan kualiti pengajaran dari segi keseluruhannya.

Jadual 1: Skor Min Variabel Kajian Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman		Pengajaran Guru	Kualiti Pengajaran Guru
1 hingga 5 tahun	<i>M</i>	3.9602	4.1069
	<i>SD</i>	0.5254	0.3283
6 hingga 10 tahun	<i>M</i>	4.1470	4.1978
	<i>SD</i>	0.5033	0.3242
11 hingga 15 tahun	<i>M</i>	3.9922	4.0582
	<i>SD</i>	0.4585	0.2953
Lebih 16 tahun	<i>M</i>	4.0587	4.0925
	<i>SD</i>	0.4927	0.3144
<b>Jumlah</b>	<i>N</i>	<b>380</b>	<b>380</b>
	<i>M</i>	<b>4.0519</b>	<b>4.1114</b>
	<i>SD</i>	<b>.49406</b>	<b>.31712</b>

## Tahap Pengajaran Guru dan Kualiti Pengajaran Guru

Ukuran kecenderungan memusat dilakukan dengan menggunakan satu nilai untuk mewakili satu set data. Jadual 2 digunakan sebagai panduan bagi skor min dalam menganalisis data. Skor min yang berada antara sela 1.00 hingga 2.33 bermaksud skor bagi variabel atau item tersebut pada tahap rendah, skor min 2.34 hingga 3.66 menunjukkan pada tahap sederhana. Manakala, skor min yang tertinggi ialah sekiranya variabel atau item kajian berada pada sela 3.67 hingga 5.00.

Jadual 2: Garis Panduan bagi Skor Min

Skor Min	Takrifan Skor Min
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Sumber: Sanger, Spliker, dan Belau, 2007

Analisis pemeringkatan tahap yang diperolehi bagi pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru dipaparkan dalam Jadual 3. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua variabel berada pada tahap yang tinggi iaitu pengajaran guru memperoleh skor min 4.0519 (90.9 peratus). Manakala kualiti pengajaran guru memperolehi skor min keseluruhan iaitu 4.1114 (96.7 peratus). Ini membuktikan bahawa kesemua responden kajian cenderung melaksanakan pengajaran mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi mewujudkan kualiti pengajaran yang lebih baik. Begitu juga halnya dengan kualiti pengajaran guru turut membuktikan bahawa guru cenderung kepada pengajaran berkualiti di dalam bilik darjah.

Jadual 3: Tahap Pengajaran Guru dan Kualiti Pengajaran Guru

Variabel	Skor Min	Tahap	Peratus		N
			Tinggi	Sederhana	
Pengajaran Guru	4.0519	Tinggi	90.9 %	9.1 %	380
Kualiti Pengajaran Guru	4.1114	Tinggi	96.7 %	3.3 %	380

### Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Analisis deskriptif perbezaan skor min pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar ditunjukkan dalam Jadual 4. Daripada jumlah keseluruhan sampel iaitu  $N=380$ , mendapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman 6 hingga 10 tahun memiliki skor min yang paling tinggi iaitu  $M=4.1470$ ,  $SD=0.5033$ ,  $N=90$ , diikuti oleh kumpulan pengalaman mengajar lebih 16 tahun pada  $M=4.0587$ ,  $SD=0.4927$ ,  $N=155$ . Kemudian kumpulan 11 hingga 15 tahun pada  $M=3.9922$ ,  $SD=0.4585$ ,  $N=87$ . Kumpulan terakhir ialah bagi kumpulan pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun iaitu  $M=3.9602$ ,  $SD=0.5254$ ,  $N=48$ . Daripada analisis perbezaan data yang diperoleh ini jelas menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun memiliki pengajaran guru yang tinggi terhadap setiap arahan dan pelaksanaan pengajaran dalam sistem pendidikan yang telah ditetapkan. Manakala analisis ini juga telah membuktikan bahawa guru yang mempunyai pengalaman yang paling rendah iaitu kumpulan 1 hingga 5 tahun kurang melaksanakan pengajaran yang telah ditetapkan dan tidak mahir dalam melaksanakan pengajaran yang berkONSEP PAK-21.

Jadual 4: Analisis Deskriptif Variabel Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Variabel	Kumpulan Pengalaman	N	M	SD
Pengajaran Guru	1 hingga 5 tahun	48	3.9602	0.5254
	6 hingga 10 tahun	90	4.1470	0.5033
	11 hingga 15 tahun	87	3.9922	0.4585
	Lebih 16 tahun	155	4.0587	0.4927
	Keseluruhan	380	4.0519	0.4941

Setelah data dianalisis, keputusan ANOVA sehalia dilakukan untuk melakukan perbandingan skor min pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Nilai statistik yang diperoleh menunjukkan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar didapati tidak signifikan pada  $F$  ( $df=3, 377$ ) = 1.665,  $p>0.05$ . Keputusan ini mendapati bahawa  $H_0^1$  gagal ditolak. Maka, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 5: Analisis ANOVA Sehala Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Variabel		SD	df	Min Square	F	Sig.
Pengajaran Guru	Dalam Kumpulan	1.534	3	.511	2.114	.098
	Antara Kumpulan	90.979	376	.242		
	Jumlah	92.513	380			

\*Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$  (2-Hujung)

## **$H_0^2$ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar**

Berasaskan perbezaan skor min kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar yang ditunjukkan dalam Jadual 6 mengikut kumpulan pengalaman masing-masing. Daripada jumlah sampel yang digunakan iaitu seramai 380 orang, kumpulan 6 hingga 10 tahun pengalaman mengajar memperoleh skor min yang tertinggi iaitu ( $M=4.1078, SD=0.3283, N=90$ ). Diikuti oleh kumpulan 1 hingga 5 tahun pengalaman ( $M=4.1069, SD=0.3283, N=48$ ), Kumpulan lebih 16 tahun pengalaman ( $M=4.0925, SD=0.3144, N=155$ ), dan kumpulan yang terakhir yang memiliki skor min yang paling rendah ialah 11 hingga 15 tahun ( $M=4.0582, SD=0.2953, N=87$ ). Kesimpulan daripada perbezaan skor min ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan 6 hingga 10 tahun pengalaman mengajar mempunyai kualiti pengajaran yang lebih baik berbanding kumpulan pengalaman mengajar yang lain.

Jadual 6: Analisis Deskriptif Variabel Kualiti Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Variabel	Kumpulan Pengalaman	N	M	SD
Kualiti Pengajaran Guru	1 hingga 5 tahun	48	4.1069	0.3283
	6 hingga 10 tahun	90	4.1978	0.3242
	11 hingga 15 tahun	87	4.0582	0.2953
	Lebih 16 tahun	155	4.0925	0.3144
	<b>Keseluruhan</b>	<b>380</b>	<b>4.1114</b>	<b>0.3171</b>

Jadual 7: Analisis ANOVA Sehala Kualiti Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Variabel		SD	df	Min Square	F	Sig.
Kualiti Pengajaran Guru	Dalam Kumpulan	.974	3	.325	3.286	.021
	Antara Kumpulan	37.141	376	.099		
	Jumlah	38.115	380			

\*Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$  (2-Hujung)

Mengulas lanjut dapatan tersebut Jadual 7 telah memperlihatkan analisis keputusan ANOVA sehalia bagi membandingkan keputusan hasil analisis yang diperoleh. Kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar didapati tidak wujud signifikan antara kedua variabel tersebut,  $F$  ( $df=3,$

$376)=3.286, p>0.05$ . Implikasi dapatan ialah  $H_0^2$  gagal ditolak. Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan kualiti pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.

### **Ho3 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru.**

Hipotesis Nul 3 ( $H_0^3$ ) telah dianalisis menggunakan Regresi Linear Berganda Stepwise bagi mengukur pengaruh variabel peramal terhadap variabel kreteria. Pengajaran guru merupakan variabel peramal yang dimasukkan ke dalam model regresi pada aras  $p<0.05$ . Setelah dianalisis, dapatan menunjukkan variabel pengajaran guru merupakan peramal terhadap variabel kriteria kualiti pengajaran guru seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Keputusan Analisis Regresi Berganda Stepwise bagi Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru

Variabel Peramal	$\beta$	t	P (Sig.)
Pengajaran Guru	.498	11.155	.000
<b>Maklumat:</b>			
Pengajaran Guru			
$R^2 = .248$			
$\Delta R^2 = .246$			
$F = 124.426$			

Dapatan analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 8 jelas menunjukkan nilai koefisien beta dan tahap signifikan bagi variabel peramal dengan andaian setiap perubahan sebanyak 1 unit, maka varian variabel kriteria kualiti pengajaran guru turut berubah sebanyak 0.498 ( $\beta=0.498$ ,  $t=11.155$ ,  $p<0.05$ ). Sumbangan pengaruh variabel peramal adalah sebanyak 24.8 peratus ( $R^2 = 0.248$ ) terhadap kualiti pengajaran guru. Oleh itu, selebihnya iaitu sebanyak 75.2 peratus perubahan dalam kualiti pengajaran guru diramal mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Seterusnya, apabila dilihat daripada nilai signifikan iaitu .000 kurang daripada  $p<0.05$ , maka  $H_0^3$  adalah ditolak. Situasi ini menunjukkan bahawa pengajaran guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kualiti pengajaran guru.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Pengajaran guru dalam konteks kajian ini ialah amalan pelaksanaan pengajaran di dalam bilik darjah. Amalan ini bertepatan dengan kewujudan model SGM (2009), model Slavin, yang menekankan aspek model insan berkualiti berdasarkan tiga pendekatan utama yang merangkumi perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran (Luky, 2018).

Strategi pengajaran guru merupakan '*a plan, method, or series of activities designed to achieves a particular education goal*' iaitu merancang sesuatu operasi untuk mencapai sesuatu (J.R. David, 1976 dalam Sanjaya, 2008). Ong Sze, Zamri, dan Mohd Izham (2017) menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menyediakan rangka kerja pengajaran (perancangan mengajar) dalam satu waktu yang telah diperuntukkan sebelum sesi PdPc bermula. Manakala, dari sudut pelaksanaan pengajaran uru perlu memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). KPM telah membuat pelancaran inisiatif PAK-21 secara rintis pada tahun 2014 dan pelaksanaannya di seluruh negara dikuat kuasakan mulai tahun 2015. Pengajaran dan pembelajaran merupakan penglibatkan guru dan murid di dalam bilik darjah (Anida, 2003). Bagi seorang guru kaedah pengajaran merupakan teknik dan strategi yang digunakan dalam pengajaran di bilik darjah (Renne Compoy, 2010).

Manakala, fasa yang terakhir ialah tindakan yang meminta guru membuat penilaian dengan mengkaji semua perubahan idea dan penyiasatan lanjut untuk keseluruhan perjalanan proses PdPc. Penemuan sesuatu ciptaan asli oleh murid yang bermilai membawa kepada kejayaan guru. Semua idea baharu yang dilaksanakan membawa perubahan dalam kehidupan harian dan menggerakkan individu untuk memulakan semula pemerhatian dan penganalisisan. Melalui fasa ini kreativiti menjadi amalan berterusan. Pendekatan yang digunakan dalam model Proses Kreatif Terarah adalah kesinambungan daripada Model Pengajaran Le Francois. Le Francois (1992) mentafsirkan pengajaran sebagai proses yang merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran (Mok, 2003). Dalam peringkat sebelum pengajaran, guru seharusnya mengambil kira beberapa perkara iaitu menentukan objektif dan matlamat pengajaran, menentukan kesediaan murid, menentukan strategi pengajaran, dan menilai semula.

Seterusnya, Rohani, Hazril, dan Nordin Abd Razak (2010) pula menyifatkan konsep kualiti pengajaran guru adalah berkait rapat dengan komitmen belajar murid khususnya di luar bandar. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara dimensi guru berkualiti dengan komitmen belajar murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang sederhana antara ciri kualiti pengajaran guru yang dikaji dengan komitmen murid. Hubungan guru-murid dikenal pasti sebagai ciri kualiti pengajaran guru yang menjadi peramal terbaik bagi meningkatkan komitmen belajar murid. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan guru-murid adalah faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar murid.

Di akhir kajian mendapati tahap pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Penetapan tahap untuk semua variabel kajian adalah berdasarkan nilai skor min terkumpul dengan menggunakan jadual indeks tahap pengajaran guru yang dicadangkan oleh Sanger *et. al.*, (2007). Dapatkan membuktikan bahawa guru sekolah rendah luar bandar berjaya melaksanakan pengajaran guru berkonseptan pembelajaran abad ke-21 yang merangkumi perancangan, pelaksanaan, penilaian (pentaksiran) bilik darjah dengan lebih berkesan. Dapatkan ini turut diakui oleh Nurul Huda dan Azlin (2017) dalam kajian mereka memperolehi skor min tahap tinggi berkaitan amalan profesionalisme guru yang terdiri daripada kaedah penyampaian, penggunaan sumber, pengurusan kelas, penglibatan murid, hasil kerja murid, dan penilaian mendapati guru di luar bandar turut sama melaksanakan pengajaran mengikut standard pendidikan negara.

Lanjutan pandangan ini, kajian berkaitan kualiti pengajaran guru telah dilakukan dan hasilnya mendapati bahawa tahap kualiti pengajaran guru sekolah rendah luar bandar di Sabah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan pengukuran yang dibuat, disimpulkan bahawa kualiti pengajaran guru berada pada tahap yang sangat baik. Berdasarkan analisis maklum balas terhadap dua indikator dalam kajian variabel bersandar mendapati bahawa komitmen guru menghasilkan skor min yang paing tinggi. Situasi ini mungkin disumbangkan oleh sikap guru yang sentiasa positif dan mengekalkan semangat serta komitmen terhadap profesi dan murid mereka (Nor Shafarin, Fadzilah, dan Rahimi, 2009). Nilai yang tinggi ini turut disumbangkan oleh wujudnya rasa hormat guru dan murid sehingga mewujudkan perasaan semangat yang tinggi di hati kedua-dua pihak ketika sesi PdPc berlangsung (Affizal dan Rafidah, 2009). Komitmen yang tinggi memperlihatkan guru lebih bersedia untuk bekerja keras dalam mencapai matlamat mereka dan tetap bekerja keras (Kreitner dan Kinicki, 2007).

Berdasarkan pengalaman mengajar pula, dapatkan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap skor min pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Ini terbukti bahawa skor min pengajaran guru adalah sama mengikut kumpulan pengalaman mengajar. Interpretasi daripada data ini menurut pengkaji ialah mengandaikan bahawa semua guru yang telah berkhidmat dalam sistem pendidikan secara relevennya melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut ketetapan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, dari sudut kepelbagaiannya teknik pengajaran Hernandez Ramos (2005) dan menunjukkan terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar dengan penggunaan ICT dalam kalangan guru. Mereka berpendapat guru yang berpengalaman enggan mengaplikasikan pengajaran berdasarkan ICT berbanding guru yang tidak berpengalaman dan muda. Tetapi, Wachiuri (2015) menafikan dapatkan mereka dan menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pengalaman kerja guru dengan penggunaan ICT dalam bilik

darjah. Guru yang memiliki sedikit pengalaman mungkin lebih kerap mengaplikasikan penggunaan ICT berbanding guru yang mempunyai pengalaman lebih dalam profesi keguruan. Mengeksploitasi sumber pendidikan bagi meransang pancaindera murid dan mengadakan pembelajaran yang aktif seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini mampu menajamkan pemikiran dan perkembangan kreativiti murid.

Seterusnya, perbincangan dapatan berkaitan pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru yang memperlihatkan bahawa wujud pengaruh variabel peramal berdasarkan variabel kriteria. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan variabel pengajaran guru menyumbang kepada kualiti keberkesanan dan komitmen di dalam kualiti pengajaran guru. Ini membuktikan bahawa variabel pengajaran guru merupakan peramal yang baik kepada pembentukan kualiti pengajaran guru. Hazalizah dan Nor Hasliza (2014) dalam kajian yang menggunakan analisis berganda kaedah *stepwise* untuk melihat kekuatan pengaruh bagi setiap dimensi gaya pengajaran dan personaliti terhadap efikasi kendiri. Setelah data dianalisis mendapat bahawa kesemua dimensi gaya pengajaran dan personaliti kecuali gaya pengajaran pakar telah digugurkan kerana didapati tidak mempunyai pengaruh terhadap efikasi kendiri. Ini bertentangan dengan Rosnizan (2015) mengatakan bahawa personaliti adalah satu aspek yang penting yang mesti diambil kira khususnya dalam meningkatkan kualiti diri dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

## **Implikasi dan Cadangan**

Secara keseluruhannya, kajian ini menggambarkan kualiti pengajaran guru boleh dicapai di dalam bilik darjah. Dengan lebih terperinci, kajian memperlihatkan kualiti pengajaran itu mempunyai hubungan pengaruh yang signifikan dengan pengajaran guru, pengurusan bilik darjah, dan personaliti guru. Ini kerana teori dan model menjelaskan bahawa setiap variabel tersebut boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Lanjutkan itu, kajian telah mengukuhkan lagi teori dan model sedia ada yang mempunyai kesinambungan dengan membuktikan kepentingan kajian terhadap kualiti pengajaran. Pada masa yang sama kajian ini telah berjaya menghasilkan model kualiti pengajaran berdasarkan interpretasi daripada Teori Behaviourisme (1940), Model Slavin (1994) dan memperkuatkan lagi Model Standard Guru Malaysia (2009) yang menjelaskan bahawa kualiti pengajaran guru dipengaruhi oleh pengajaran guru, pengurusan bilik darjah dan personaliti guru yang memastikan mereka berubah mengikut keperluan pendidikan semasa. Teori ini digunakan dengan alasan kesesuaian teori dan model yang melibatkan aspek amalan pengajaran, pengurusan dan personaliti guru. Ini disebabkan guru berperanan sebagai agen terhadap perkembangan diri mereka sendiri khususnya yang berkaitan dengan harapan, kepercayaan, persepsi kendiri, matlamat, dan tujuan membentuk akauntabiliti guru dalam profesion mereka.

Secara umumnya, kajian ini memberi implikasi sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap kajian sedia ada. Bertitik tolak daripada dapatan yang telah dihasilkan telah membuka jalan kepada pengkaji akan datang berkaitan dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru dengan lebih khusus lagi. Kesesuaian model kajian yang dihasilkan boleh dijadikan panduan kepada perluasan ilmu kajian pada masa akan datang. Variabel lain yang mungkin lebih signifikan boleh menjadi dasar kepada kajian.

## **Kesimpulan**

Rentetan daripada perbincangan kajian jelaslah bahawa ketrampilan guru abad-21 akan sentiasa menggunakan kreativiti dan ruang, persekitaran dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Ini adalah bermatlamatkan kurikulum persekolahan yang telah ditetapkan oleh KPM. Individu yang kreatif dan inovatif sama ada guru maupun murid adalah aset negara yang mampu menyumbang ke arah pembangunan masyarakat, agama, bangsa, dan negara. Kepercayaan masyarakat terhadap profesion pendidikan banyak dinilai dari sikap dan tingkah

laku guru. Secara tidak langsung rasa hormat dan kesefahaman serta rasa mempercayai adalah mustahak bagi menjayakan hubungan guru-murid dan masyarakat setempat. Ini penting bagi memastikan proses PdPc berjalan dengan lancar dan secara tidak langsung membantu murid untuk mencapai objektif pembelajaran seterusnya minat dengan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Seorang guru perlu memiliki ciri-ciri yang terkandung dalam komponen personaliti kreatif seperti berdedikasi, kreatif, inovatif, sukaan cabaran serta tidak mudah putus asa supaya kita dapat mengikuti arus pembangunan pendidikan alaf ini.

## Rujukan

- Abdul Halim Abdullah, Johari Surif, dan Norhasniza Ibrahim. (2014). PISA 2012: *Di Mana Kedudukan Malaysia untuk Subjek Matematik?*. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014. Batu Pahat, Johor, 9-10 April 2014.
- Affizal Ahmad and Rafidah Sahak. (2009). *Teacher-Student Attachment and Teachers' Attitudes Towards Work*. Jurnal Pendidikan dan Pendidikan, Jil. 24, 55–72.
- Anida Bt Abdul Rahim (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Azizi Yahya. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cochran-Smith, M. (2008). *The New Teacher Education in the United State: Directions Forward. Teachers and Teaching: Theory and Practice*. 14(4): 217-282.
- Cohen, L., Manion, L., dan Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education (5<sup>th</sup> Ed.)*. London: Routledge Falmer.
- Crosby, P. B. (1979). *Quality Is Free*, McGraw-Hill, New York, 15.
- Crosswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th ed.)*. Boston: Pearson.
- Darling-Hammond, L. (2007). Recognizing and Enhancing Teacher Effectiveness: A Policymaker's Guide. Washington, DC: Council of Chief State Schools Officers.
- Deming, E. W. (1986). *Quality, Production And Competitive Position*. Boston: MIT Centre for Advanced Engineering Study, 21.
- Devid A. Garvin. (1998). *Managing Quality: The Strategic and Competitive Edge*. Simon and Schuster. Harvard Business School.
- Devis, M.H. (2010). *Practicing democracy in the NCLB Elementary Clasroom*. Tesis Sarjana Pendidikan, Dominican Universiti of California.
- Eggen, P. D dan Kauchak, D. (2012). *Strategi dan Model Pembelajaran: Mengajarkan Konten dan Keterampilan Berpikir*. Jakarta: PT Indeks.
- Elaine M. Silva Mangiante. (2010). *Teachers Matter: Measures of Teacher Effectiveness In Low-Income Minority Schools*. Educ Asse Eval Acc (2011) 23:41–63.
- Ghazila, (2005). *Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Graham, B. (2006). *Conditions for Successful Fiel Experiences: Perceptions of Cooperating Teachers*. Teaching and Teacher Education. 22(8):1118-1129.
- Hazalizah binti Hamzah dan Nor Hasliza binti Abdullah. (2014). *Pengaruh Dimensi Personaliti dan Gaya Pengajaran ke Atas Efikasi Kendiri Guru Matematik Sekolah Rendah*. Proceedings of the International Conference Teaching and Learning. Sultan Idris Education University, Perak. Malaysia.
- Hernandez-Ramos, P. (2005). *If Not Here, Where? Understanding Teachers Use of Technology in Silicon Valley Schools*. Journal of Research on Technology in Education, 3(1), 39–64.
- Hopkins, D., dan Stern, D. (1996). *Quality Teachers, Quality Schools: International Perspectives and Policy Implications*. Teaching & Teacher Education. 12(5): 501-517.
- Jahagir Mahmud. (2010). *How the Messenger of Allah s.a.w Tought His Student*. Pakistan: Al Misbah.

- Jemaah Nazir Jaminan Kualiti. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia sekolah – Instrumen Pemastian Standard SKPM 1–Edisi Disember 2004*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, dan Mohd Faez Ilias. (2012). *Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam.
- Kartini Abdul Mutalib, Badariah Hashim dan Ahamad Shabudin Yahaya. (2010). *Science Process Skills Knowledge and Attitude among Primary School Science Teachers in Daerah Manjung Perak. A Pilot Study*. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 2(2010): 26-38.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Standard Guru Malaysia*. Dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/sgm/>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kesici, A. (2008). *Teachers' Opinions about Building a Democratic Classroom*. *Journal of Instructional Psychology*, 35 (2), 1992-2003.
- King-Rice, J. (2003). *Teacher Quality: Understanding the Effectiveness of Teacher Attributes*. Economic Policy Institute (EPI): University of Maryland
- Kreitner, R. dan Kinicki, A. (2007). *Organizational behavior*. Arizona: McGraw-Hill Ryerson.
- Lee Yong Tay, Cher Ping Lim, dan Siew Khiaw Lim. 2015. *Differences in ICT Usage Across Subject Areas: A Case of an Elementary School in Singapore*. *Journal of Educational Computing Research*, Vol. 53(1) 75–94.
- Luky Arum Lawuningtyas. (2018). *Pengaruh Kompetensi Kepribadian dan Kompetensi Sosial Kepala Sekolah terhadap Kinerja Guru Sekolah Dasar*. Tesis Program Pascasarjana. Fakultas Tarbiyah, Ponorogo.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud. 2010. *Karakter Guru: Ilmu Diagung, Guru Disanjung*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Komponen 1 dan 2)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Nadzri dan Nor Fadilah. (2017). *Kualiti Amalan Guru dan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di MRSM*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman. (2009). *Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia*. Jurnal Pendidik Dan Pendidikan, Jil. 24, 125–142
- Nur Farhah Mohd Shah dan Fatimah Wati Halim. (2018). *Pengaruh Personaliti Lima Faktor terhadap Tingkah laku Kewargaan Organisasi (TKO) dalam Kalangan Guru*. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 32(2): 1-11.
- Nurul Huda Ab. Rahman dan Azlin Norhaini Mansor. (2017). *Tahap Amalan Guru Besar serta Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah*. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space* 13 issue 3 (65-74).
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). *Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Gemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7, Bil 1: 93-108.
- Rashidy Jamil al-Rashi. (2011). *Akhlag Pendidik*. Dlm. Telaga Biru. Majalah Solusi. Selangor: Vivar Printing Sdn Bhd. 35.
- Renee Campoy. (2010). *Reflective Thinking and Educational Solutions: Clarifying What Teacher Educators Are Attempting To Accomplish*. Murray State University.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Mohammad Zohir Ahmad. (2017). *Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1)(2017): 1-11.
- Rohani Arbaa, Hazril Jamil dan Nordin Abd Razak. (2010). *Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?* *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2) (2010): 61-69.
- Rosnizan binti Abdul Rashid. (2015). *Hubungan Personaliti Pengajaran Guru Matematik terhadap Pencapaian Matematik di Daerah Maran*. Kertas Cadangan Kajian. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Sanger, D., Spliker, A., Williams, N., dan Belau, D. (2007). *Opinion of Female Juvenile Delinquents on Communications, Learning dan Violence*. Journal of Correctional Education. Vol. 58(1): 69-92.
- Sanjaya, W. (2008). *Strategi Pembelajaran*. Kencana Prenada Media Group: Jakarta.
- Slavin, R. 1994. *A Theory of School and Classroom Organization*. Dalam R. Slavin, (Ed.), School and Classrooom Organization. Hillsdale, NJ:Erlbaum.
- Trianto. (2009). *Mendesain Model Pembelajaran Inovatif, Progresif, Konsep, Landasan dan Implementasinya Pada Kurikulum KTSP*. Jakarta : Kencana.
- Wachiuri, R. N. (2015). *Effects Of Teachers' Experience and Training on Implementation Of Information Communication Technology In Public Secondary Schools in Nyeri*. Central District, Kenya, IOSR Journal of Humanities and Social Science, 20(3), 26–38.
- Wang Jiayi, Li Ying. (2009). *Research on the Teaching Quality of Compulsory Education in China's West Rural Schools*. Front. Education China, 4(1): 66-93.